KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **28 OGOS 2024**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH BeritaHarian

HARI: RABU
TARIKH: 28/8/2024
M/SURAT: 6

Pindaan Akta Syarikat 2016

# Langkah signifikan perangi pengubahan wang haram

## Kerangka perundangan baharu tingkat ketelusan pengurusan syarikat

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Malaysia komited mematuhi piawaian antarabangsa ditetapkan Financial Action Task Force (FATF) yang menekankan kepentingan ketelusan pemunyaan benefisial sebagai asas utama dalam usaha memerangi pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali, berkata susulan itu, pindaan terbaru kepada Akta Syarikat 2016, melalui Akta Syarikat (Pindaan) 2024 yang berkuat kuasa sejak 1 April lalu, menandakan langkah signifikan dalam memperkukuh tatakelola korporat di negara ini.

Beliau berkata, kerangka perundangan baharu itu memperkenalkan pelbagai perubahan yang bertujuan meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti dalam pengurusan syarikat serta mempertingkatkan mekanisme kawal selia korporat.

"Pindaan ini melambangkan komitmen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) serta Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk bersama-sama menerajui strategi dan pendekatan yang lebih menyeluruh dalam menyokong agenda reformasi.

"Ini termasuk pengukuhan kerangka tatakelola kerajaan dan tadbir urus negara secara keseluruhannya serta memastikan ketelusan yang lebih baik dalam ekosistem perniagaan dan sektor korporat," katanya menerusi kenyataan, semalam.

### Pengawasan lebih ketat

Selain itu beliau berkata, kerangka perundangan itu turut memberi penekanan kepada pengawasan yang lebih ketat dan pelaporan yang lebih jelas mengenai pemunyaan benefisial.

Katanya, ia bertujuan mengurangkan risiko penyelewengan dan meningkatkan keyakinan pelabur serta pihak berkepentingan lain terhadap integriti sistem perniagaan di Malaysia.

> "Pendekatan ini selaras matlamat negara untuk menjadi sebuah pusat perniagaan yang berintegriti tinggi dan berdaya saing dalam arena global"
>
> *Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup*



"Pendekatan ini selaras matlamat negara untuk menjadi sebuah pusat perniagaan yang berintegriti tinggi dan berdaya saing dalam arena global," katanya.

Justeru Armizan berkata, sebagai sebahagian inisiatif itu, sistem e-BOS (Electronic Beneficial Ownership System) dilancarkan untuk mempermudah proses serah simpan dan pengurusan maklumat pemunya benefisial.

Katanya, sistem itu bertujuan meningkatkan ketelusan dan mengurangkan risiko penyelewengan dengan menyediakan platform yang efisien bagi syarikat untuk menyerah simpan maklumat penting mengenai pemilik sebenar mereka.

"Sistem e-BOS bukan sahaja mempermudahkan pelaporan tetapi juga memastikan bahawa maklumat yang dikumpul adalah tepat dan terkini.

"Malah, sehingga 31 Julai lalu, sebanyak 374,774 daripada 677,851 syarikat aktif yang tersenarai dalam daftar SSM telah mematuhi keperluan untuk menyerahkan maklumat pemilikan benefisial mereka.

"Ini menunjukkan kadar pematuhan 55.3 peratus yang menjadi langkah positif ke arah mencapai matlamat ketelusan yang lebih tinggi dalam sektor korporat," katanya.

Beliau berkata, pencapaian itu menggambarkan komitmen yang semakin mendalam daripada sektor perniagaan untuk memenuhi piawaian ketelusan yang ditetapkan dan menyokong usaha reformasi dilaksanakan di bawah konsep Malaysia MADANI.

Terdahulu, beliau melancarkan Persidangan Kebangsaan SSM (SSMNC2024) yang dianjurkan secara dalam talian dengan rekod penyertaan lebih 3,000 delegasi.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH BeritaHarian

HARI: RABU

TARIKH: 28/8/2024

M/SURAT: 14

# Malaysia mohon tambah kuota haji

**Kuala Lumpur:** Malaysia sudah menyampaikan hasrat kepada Arab Saudi agar kuota haji kepada negara ini ditambah, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar.

Mohd Na'im berkata, perkara itu disampaikan ketika pertemuan bersama Menteri Haji dan Umrah Arab Saudi, Dr Tawfiq Fawzan Al-Rabiah, kelmarin.

"Dalam pertemuan itu, saya membangkitkan beberapa perkara penting, antaranya permohonan menambah kuota jemaah haji Malaysia bersesuaian dengan populasi rakyat Malaysia.

"Semoga hubungan baik Kerajaan Malaysia dan Arab Saudi akan memberikan manfaat kepada umat Islam," katanya menerusi hantaran di akaun Facebook miliknya.

Pertemuan itu turut dihadiri oleh Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Khairul Firdaus Akhbar Khan dan Pengerusi Lembaga Tabung Haji, Tan Sri Rashid Hussain.

Mohd Na'im berkata, lawatan kerja rasmi Dr Tawfiq menyerlahkan keyakinan Kerajaan Arab Saudi kepada keupayaan Malaysia sebagai contoh program *Makkah Route* pada musim haji yang lalu.

Dr Tawfiq dalam rangka lawatan ke Malaysia selama tiga hari berakhir hari ini untuk mengukuhkan lagi hubungan dua hala antara Kerajaan Arab Saudi dan Malaysia.

## 39 aduan penipuan

Sementara itu, dalam perkembangan berasingan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menerima 39 aduan berkaitan penipuan pakej umrah dan haji sejak 1 Januari hingga 25 Ogos lalu.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Fuziah Salleh, berkata pihaknya sudah mengambil tindakan terhadap semua aduan, selain turut merujuk ke Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) untuk tindakan lanjut.

Katanya, 183 kertas siasatan dibuka mengikut Seksyen 117 Akta Perlindungan Pengguna 1999 berkaitan ketidakpatuhan award dikeluarkan TTPM kepada pihak penentang dan 59 kertas siasatan berjaya diselesaikan.

"Jemaah haji atau umrah yang terbabit dalam penipuan ini juga boleh membuat tuntutan tebus rugi di TTPM, sama ada secara dalam talian menerusi sesawang https://ttpm.kpdn.gov.my/portal atau hadir ke pejabat TTPM di negeri masing-masing," katanya dalam kenyataan semalam.

Selain itu Fuziah berkata, dari 1 Januari sehingga 31 Julai tahun ini, sebanyak 562 kes tuntutan tebus rugi berkaitan penipuan pakej umrah difailkan menerusi TTPM di seluruh negara dengan 413 kes tuntutan selesai.

Katanya, mengikut Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Akta 599), jumlah maksimum tuntutan tebus rugi adalah RM50,000.

"Sekiranya jumlah yang hendak dituntut melebihi RM50,000 maka tuntutan masih boleh difailkan di TTPM akan tetapi nilaian tuntutan ialah untuk nilai maksimum RM50,000 dan baki tuntutan selebihnya tidak boleh dituntut melainkan dipersetujui oleh Penentang.

"Bagaimanapun, ia sedikit sebanyak dapat mengembalikan sejumlah kerugian yang dihadapi jemaah," katanya.

Sementara itu, merujuk kepada artikel *BH* bertajuk 'Ejen lepas tangan, jemaah merana', kelmarin, Fuziah berkata, ia memaparkan isu penipuan yang dialami jemaah haji oleh ejen yang tidak bertanggungjawab.

Katanya, KPDN mengambil serius perkara itu kerana ia membabitkan kebajikan dan kesejahteraan rakyat Malaysia yang ingin menunaikan ibadah umrah dan haji di Tanah Suci.

"KPDN komited memastikan tindakan tegas diambil terhadap mana-mana pihak yang terbabit dalam penipuan ini dan menasihatkan supaya semua jemaah yang menjadi mangsa penipuan untuk segera membuat aduan rasmi kepada KPDN," katanya.

Beliau berkata, aduan rasmi boleh dibuat melalui WhatsApp di 019-8488000; Portal e-Aduan KPDN iaitu http://eaduan.kpdn.gov.my; Call Centre 1-800-886-800; Aplikasi Telefon Pintar Ez ADU KPDN dan QR Aduan suri.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: RABU
TARIKH: 28/8/2024
M/SURAT: 9

# Tindakan tegas ejen tipu pakej umrah, haji

KUANTAN - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang terlibat dalam penipuan pakej umrah dan haji.



FUZIAH

Timbalan Menterinya, Fuziah Salleh berkata, semua jemaah yang menjadi mangsa penipuan diminta segera membuat aduan rasmi kepada KPDN melalui saluran disediakan seperti portal e-Aduan KPDN, pusat pengadilan, aplikasi telefon pintar Ez Adu-KPDN dan aplikasi WhatsApp.

"Kita menerima 39 aduan berkaitan dengan penipuan pakej umrah dan haji dari 1 Januari hingga 25 Ogos tahun ini.

"Sebanyak 183 kertas siasatan telah dibuka di bawah kesalahan Seksyen 117 Akta Perlindungan Pengguna 1999 berkaitan ketidakpatuhan award yang telah dikeluarkan oleh Tribunal Tuntutan Pengguna (TTPM) kepada pihak penentang dan 59 kertas siasatan telah berjaya diselesaikan," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Fuziah menjelaskan setiap aduan diterima disiasat dengan teliti selain kerjasama dengan pihak berkuasa lain bagi memastikan mereka yang bertanggungjawab dibawa ke muka pengadilan.

Tambahnya, jemaah haji atau umrah yang terlibat dalam penipuan ini juga boleh membuat tuntutan tebus rugi di TTPM.

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: RABU
TARIKH: 28/8/2024
M/SURAT: 5



Armizan (left) and Lukanisman meet consumers at the Jualan Rahmah in Bekenu.

# Lukanisman wants Jualan Rahmah programme expanded to rural areas

**MIRI:** The Jualan Rahmah programme should be carried out more often and expanded to rural areas as per requests from the community, said Deputy Health Minister Datuk Lukanisman Awang Sauni.

The Sibuti MP said he will relay the request to the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) in view of the overwhelming response from the community, especially in rural areas.

"I hope that this Jualan Rahmah will be expanded to other areas under Sibuti parliamentary constituency. In fact, we will also try to organise this programme at areas such as Suai and Beluru. The cost of living in rural areas is high, and with this programme, we hope that it can lessen the people's burden," he told reporters after attending the Jualan Rahmah programme in Bekenu yesterday.

Also present was Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali.

Lukanisman pointed out that the programme gives consumers the opportunity to buy necessities such as rice, sugar, flour and cooking oil at a much cheaper price.

On top of that, he said that during the Jualan Rahmah, there is also 'happy hour sales' where some selected items are sold at a very cheap price.

"For example, today, one of the items for the 'happy hour sales' is sugar which is only RM1.50 per kilogramme," he said.

On a separate issue, he said the Ministry of Health (MoH) will continue to tighten surveillance at all entry points to monitor the spread of monkeypox (mpox) in the country.

He said MoH is also monitoring the cases in Singapore and other countries bordering Malaysia.

"We are prepared. All our entry points have scanning devices and those suspected of having mpox will undergo quarantine as per MoH's standard operating procedures," he said.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# MALAYSIA KOMITED PATUHI FATF

**KUALA LUMPUR: Malaysia komited mematuhi piawaian antarabangsa ditetapkan Financial Action Task Force (FATF) yang menekankan kepentingan ketelusan pemunyaan benefisial sebagai asas utama dalam usaha memerangi pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan.**

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali berkata pindaan terbaharu Akta Syarikat 2016 melalui Akta Syarikat (Pindaan) 2024 yang berkuat kuasa 1 April lepas menandakan langkah signifikan dalam memperkukuh tatakelola korporat di negara ini.

Beliau berkata kerangka perundangan itu memperkenalkan pelbagai perubahan bagi meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti dalam pengurusan syarikat serta memperkukuhkan mekanisme kawal selia korporat.

"Pindaan ini melambangkan komitmen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) serta Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk bersama-sama meneroka strategi serta pendekatan yang lebih menyeluruh dalam menyokong agenda reformasi.

"Ini termasuk pengukuhan kerangka tatakelola korporat dan tadbir urus negara secara keseluruhan serta memastikan ketelusan yang lebih baik dalam ekosistem perniagaan dan sektor korporat," katanya dalam kenyataan semalam.



ARMIZAN

Armizan berkata kerangka perundangan itu turut memberi penekanan kepada pengawasan lebih ketat dan pelaporan lebih jelas mengenai pemunyaan benefisial bertujuan mengurangkan risiko penyelewengan dan meningkatkan keyakinan pelabur serta pihak berkepentingan lain terhadap integriti sistem perniagaan di Malaysia.

- Asas utama dalam usaha memerangi pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan, kata Armizan

Beliau berkata pendekatan itu selaras dengan matlamat negara untuk menjadi sebuah pusat perniagaan berintegriti tinggi dan berdaya saing dalam arena global serta seiring konsep Malaysia MADANI yang diterajui Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Armizan berkata sebagai sebahagian inisiatif itu, sistem Electronic Beneficial Ownership System (e-BOS) dilancarkan untuk mempermudah proses serah simpan dan pengurusan maklumat pemunya benefisial.

"Sistem ini bertujuan meningkatkan ketelusan serta mengurangkan risiko penyelewengan dengan menyediakan platform yang efisien bagi syarikat untuk menyerah simpan maklumat penting mengenai pemilik sebenar mereka.

"Sistem e-BOS bukan sahaja mempermudah pelaporan tetapi juga memastikan maklumat yang dikumpul tepat dan terkini," katanya.

Armizan berkata hingga 31 Julai 2024, sejumlah 374,774 daripada 677,358 syarikat aktif (55.3 peratus) yang tersenarai dalam daftar SSM mematuhi keperluan untuk menyerahkan maklumat pemilikan benefisial.

Beliau berkata kadar pematuhan itu ialah langkah positif ke arah mencapai matlamat ketelusan lebih tinggi dalam sektor korporat sekali gus menggambarkan komitmen sektor perniagaan untuk memenuhi piawaian ketelusan ditetapkan serta menyokong usaha reformasi yang dilaksanakan di bawah konsep Malaysia MADANI.

Terdahulu, beliau merasmikan Persidangan Kebangsaan SSM (SSMNC2024) yang diadakan secara dalam talian dengan rekod penyertaan lebih 3,000 delegasi termasuk wakil daripada Corporate Registers Forum dari Singapura, Hong Kong, Tunisia, Republic of Kiribati serta Afrika Selatan.

Matlamat utama persidangan untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan mengenai amalan terbaik korporat di samping membincangkan perkembangan terkini dalam perundangan yang mempengaruhi perniagaan di Malaysia bersama pakar yang diketengahkan. — Bernama

Utusan Borneo online

HARI: RABU
TARIKH: 28/8/2024
M/SURAT: 7

# Program Jualan Rahmah akan diperluas ke pedalaman

## Ia bagi pastikan semua penduduk merasai pembelian barangan keperluan pada harga jauh lebih murah: Lukanisman

Oleh Mohamad Norhadie Sabari

**MIRI: Program Jualan Rahmah MADANI akan diperluas ke kawasan pedalaman bagi memastikan semua penduduk merasai pembelian barangan keperluan pada harga jauh lebih murah.**

Ahli Parlimen Sibuti Datu Lukanisman Awang Sauni berkata, program tersebut dijalankan hampir setiap bulan hasil kerjasama dengan rakan strategik di lokasi-lokasi terpilih.

"Selain Jualan Rahmah Kasih Sayang, kita juga menjalankan Program Jualan Rahmah Bergerak (PJRB) di mana kita membawa barangan keperluan ini ke kampung-kampung.

"Kita berharap ia akan diperluaskan lagi terutama di kawasan Sibuti dan kawasan berdekatan, contohnya di Suai, Niah dan Bekenu Bakong," katanya pada Program Jualan Rahmah MADANI di MDS Mall Bekenu, Sibuti petang semalam.

Majlis turut dihadiri Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Datuk Armizan Mohd Ali.

Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia itu berkata, harga barang keperluan diturunkan sangat rendah, contohnya gula pada harga RM1.50 sekilogram.

"Harga barangan yang ditawarkan petang ini termasuk segmen 'Happy Hour' sangatlah murah seperti jualan beras, gula, minyak masak, telur dan lain-lain barangan keperluan," katanya.

Lukanisman menambah, dengan sokongan pada rakan strategik, tidak mustahil beliau akan menyarankan cadangan kepada KPDN agar program itu dibawa ke kawasan lain di pedalaman.

> "Selain Jualan Rahmah Kasih Sayang, kita juga menjalankan Program Jualan Rahmah Bergerak (PJRB) di mana kita membawa barangan keperluan ini ke kampung-kampung."
>
> Datu Lukanisman Awang Sauni
> [illegible]

"Sudah pasti saya akan bercakap dengan Menteri KPDN kerana di kawasan Tinjar juga tidak pernah merasai Jualan Rahmah, sehubungan itu kita mahu (kawasan) sempadan lain juga menikmati harga jualan murah ini di kawasan mereka," ujarnya.

Sebelum ini, pihaknya juga mengadakan PJRB di Sueh, Skim Sepupok, Kampung Dunan, Kelaru Jaya serta premis di Batu Niah dan Bekenu.

"Sokongan rakan strategik sangat baik dan penyaluran subsidi antara RM10,000 dan RM20,000 juga dirancang dengan teliti bagi melancarkan Jualan Rahmah kepada orang awam," katanya.

Lukanisman menarik perhatian hasil jualan juga sangat baik meskipun diadakan di kampung seperti Ladang Tiga, Sueh dan Skim Sepupok dengan hasil jualan mencecah RM20,000 hingga RM30,000.



KEPERLUAN RAKYAT: (Dari kanan) Lukanisman dan Armizan menyantuni pengunjung yang mengambil peluang membeli barangan keperluan sempena Program Jualan Rahmah MADANI di MDS Mall Bekenu, Sibuti petang semalam.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: RABU

TARIKH: 28/8/2024

M/SURAT: 10

# Malaysia komited patuhi piawaian FATF perangi pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan

**KUALA LUMPUR:** Malaysia komited mematuhi piawaian antarabangsa ditetapkan Financial Action Task Force (FATF) yang menekankan kepentingan ketelusan pemunyaan benefisial sebagai asas utama dalam usaha memerangi pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali berkata pindaan terbaharu Akta Syarikat 2016 melalui Akta Syarikat (Pindaan) 2024 yang berkuat kuasa 1 April lepas menandakan langkah signifikan dalam memperkukuh tatakelola korporat di negara ini.

Beliau berkata kerangka perundangan itu memperkenalkan pelbagai perubahan bagi meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti dalam pengurusan syarikat serta mempertingkatkan mekanisme kawal selia korporat.

"Pindaan ini melambangkan komitmen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) serta Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk bersama-sama meneraju strategi serta pendekatan yang lebih menyeluruh dalam menyokong agenda reformasi.

"Ini termasuk pengukuhan kerangka tatakelola keraiaan dan tadbir urus negara secara keseluruhan



ARMIZAN

serta memastikan ketelusan yang lebih baik dalam ekosistem perniagaan dan sektor korporat," katanya dalam kenyataan semalam.

Armizan berkata kerangka perundangan itu turut memberi penekanan kepada pengawasan lebih ketat dan pelaporan lebih jelas mengenai pemunyaan benefisial bertujuan mengurangkan risiko penyelewengan dan meningkatkan keyakinan pelabur serta pihak berkepentingan lain terhadap integriti sistem perniagaan di Malaysia.

Beliau berkata pendekatan itu selaras dengan matlamat negara untuk menjadi sebuah pusat perniagaan berintegriti tinggi dan berdaya saing dalam arena global serta seiring konsep Malaysia MADANI yang diterajui Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Armizan berkata sebagai sebahagian inisiatif itu, sistem Electronic Beneficial Ownership System (e-BOS) dilancarkan untuk mempermudah proses serah simpan dan pengurusan maklumat pemunya benefisial.

"Sistem ini bertujuan meningkatkan ketelusan serta mengurangkan risiko penyelewengan dengan menyediakan platform yang efisien bagi syarikat untuk menyerah simpan maklumat penting mengenai pemilik sebenar mereka.

"Sistem e-BOS bukan sahaja mempermudah pelaporan tetapi juga memastikan maklumat yang dikumpul tepat dan terkini," katanya.

Armizan berkata hingga 31 Julai 2024, sejumlah 374,774 daripada 677,351 syarikat aktif (55.3 peratus) yang tersenarai dalam daftar SSM mematuhi keperluan untuk menyerahkan maklumat pemilikan benefisial.

Beliau berkata kadar pematuhan itu ialah langkah positif ke arah mencapai matlamat ketelusan lebih tinggi dalam sektor korporat sekali gus menggambarkan komitmen sektor perniagaan untuk memenuhi piawaian ketelusan ditetapkan serta menyokong usaha reformasi yang dilaksanakan di bawah konsep Malaysia MADANI.

Terdahulu, beliau melancarkan Persidangan Kebangsaan SSM (SSM-NC2024) yang dianjurkan secara dalam talian dengan rekod penyertaan lebih 3,000 delegasi termasuk wakil daripada Corporate Registers Forum dari Singapura, Hong Kong, Tunisia, Republic of Kiribati serta Afrika Selatan.

Matlamat utama persidangan untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan mengenai amalan terbaik korporat di samping membincangkan perkembangan terkini dalam perundangan yang mempengaruhi perniagaan di Malaysia bersama pakar yang diketengahkan. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

மக்கள் ஓசை

HARI: RABU
TARIKH: 28/8/2024
M/SURAT: 2

கோலாலம்பூர், ஆக. 28-
புருணையில் பதிவு செய்யப்பட்ட வாகனங்கள் சரவாக்கின் மீரியில் ரோன் 95 பெட்ரோலை நிரப்பிக் கொள்வற்கு அனுமதி வழங்குவதை உள்நாட்டு வாணிப, வாழ்க்கைச் செலவினத்துறை அமைச்சு பரிசீலனை செய்யும் என்று அதன் அமைச்சர் அர்மிஸான் முகமட் அலி கூறினார்.
புருணையில் ரோன் 95 பெட்ரோலின் விலை இன்னும் மலிவு. எனவே, இதனை அண்டை நாட்டிற்கு கடத்துவதற்கு வாய்ப்பு இல்லை என அவர் கூறியதாக



# புருணை வாகனங்களுக்கு ரோன் 95 பெட்ரோல்:

# உள்நாட்டு வாணிப அமைச்சு பரிசீலனை

போர்னியோ போஸ்ட் செய்தி வெளியிட்டுள்ளது.
வெளிநாடுகளில் பதிவு பெற்ற வாகனங்கள் மிரியில் ரோன் 97 பெட்ரோலை மட்டுமே தங்களின் வாகனங்களில் நிரப்பிக் கொள்ள முடியும் என்பதால்,மீரியில் ரோன் 97 பெட்ரோலுக்கு பற்றாக்குறை ஏற்படலாம் என்றார்.
புருணையிலிருந்து அதிகமான சுற்றுப்பயணிகள் மீரிக்கு வரும்போது அவர்களுக்கு ரோன் 97 பெட்ரோல் கிடைப்பற்கு ஏதும் பிரச்சினையை எதிர்நோக்கியுள்ளனரா? என்பது குறித்தும் தமது அமைச்சு ஆராயும் என்றும் அவர் சொன்னார்.
சரவாக் - புருணைக்குமிடையே 30 கிலோமீட்டருக்கும் இடை வெளி இருந்தால் புருணையைச் சேர்ந்த வாகனங்கள் தங்களின் டாங்கியில் முழு அளவில் பெட்ரோலை நிரப்பிக் கொள்ள சரவாக்கிலுள்ள பெட்ரோல் நிலையங்கள் அனுமதி வழங்க வேண்டும் எனவும் அவர் கேட்டுக் கொண்டார்.
அதேவேளையில், 30 கிலோமீட்டருக்கும் குறைவான தூரம் கொண்ட வாகனங்கள் அதிகப்பட்சமாக 20 லிட்டர் பெட்ரோலை மட்டுமே தங்களின் வாகனங்களில் நிரப்பிக் கொள்ள முடியும் என்றார்.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## UMUM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro

HARI: RABU

TARIKH: 28/8/2024

M/SURAT: 9

SELUDUP DIESEL BERSUBSIDI DAN RASUAH PEGAWAI PENGUAT KUASA

# Wanita dibebaskan dengan jaminan, abang direman 4 hari

**Sibu:** Seorang daripada dua beradik yang direman atas dakwaan terbabit sindiket penyeludupan diesel bersubsidi dan rasuah pegawai penguat kuasa dibebaskan, semalam.

Majistret Oon Kok Chern memerintahkan wanita berusia 39 tahun itu dibebaskan dengan jaminan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Sementara itu, abang wanita berkenaan yang berusia 42 tahun ditahan reman empat hari sejak Isnin.

Menurut sumber SPRM, pasangan adik-beradik itu ditahan bersama dua lelaki dan seorang wanita lain di depoh simpanan diesel di Sungai Bidut semasa operasi Op Liter yang dijalankan SPRM dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Hidup (KPDN).

Tiga suspek dibebaskan dengan jaminan SPRM sebelum ini.

Semua mereka dipercayai sebahagian sindiket menyeleweng minyak diesel bersubsidi untuk nelayan yang dijual dengan harga lebih tinggi kepada pembeli di luar negara.

Sindiket dipercayai beroperasi sejak 2012 itu mengaut keuntungan hingga RM400 juta dan disyaki membayar rasuah kepada pegawai penguat kuasa bagi mengelak dikenakan tindakan kerana menyimpan diesel tanpa permit.

Dalam operasi Ahad lalu, SPRM merampas RM3.7 juta, dua tongkang, dan 30 tangki simpanan minyak dipercayai mengandungi 1.6 juta liter diesel.

Kes disiasat mengikut Seksyen 16(b)(B) dan Seksyen 18 Akta SPRM 2009, Seksyen 471 Kanun Keseksaan dan Akta Kawalan Bekalan 1961.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro

HARI: RABU

TARIKH: 28/8/2024

M/SURAT: 12

SUSULAN SINDIKET SELEWENG DIESEL BERSUBSIDI, RASUAH PENGUAT KUASA

# Pembantu penguat kuasa direman selama enam hari

**Kuala Lumpur:** Pembantu penguat kuasa sebuah agensi penguatkuasaan di Kuching, Sarawak direman kerana dipercayai menerima rasuah daripada sindiket penyeludupan diesel yang beroperasi di Sibu.

Perintah reman enam hari sehingga 2 September ini terhadap suspek lelaki berusia 40-an dikeluarkan Majistret Mason Jaro selepas permohonan dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Mahkamah Majistret Kuching, semalam.

Menurut sumber, suspek ditahan di Pejabat SPRM Sarawak, jam 3.25 petang kelmarin, ketika hadir bagi dirakam keterangan.

"Tangkapan terhadap pembantu penguat kuasa ini adalah susulan Op Liter dijalankan Bahagian Operasi Khas SPRM di depoh penyimpanan minyak Sungai Bidut, Sibu, Ahad lalu.

"Suspek dipercayai menerima wang rasuah berkenaan daripada sindiket terbabit bagi melindungi kegiatan penyeludupan minyak diesel bersubsidi dan supaya tidak mengambil tindakan undang-undang," katanya.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas SPRM Datuk Azmi Kamaruzaman ketika dihubungi mengesahkan tangkapan terhadap suspek dan kes disiasat mengikut Seksyen 16(b)(B) Akta SPRM 2009.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan akan ada tindakan susulan serta tangkapan lain dalam masa terdekat.

Harian Metro kelmarin melaporkan, SPRM mula memanggil beberapa penguat kuasa di Sarawak bagi membantu siasatan sindiket penyeludupan diesel bersubsidi dan merasuah pegawai agensi penguat kuasa bagi mengelak dikenakan tindakan penguatkuasaan.

Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki dilaporkan berkata, setakat ini, tiga individu membabitkan penguat kuasa di Sarawak sudah dipanggil bagi membantu siasatan.

Terdahulu, sindiket penyeludupan diesel bersubsidi yang dipercayai menyeleweng bahan milik persatuan nelayan itu serta membayar rasuah kepada penguat kuasa di Sibu, Sarawak, digempur SPRM, Ahad lalu.

Serbuan dijalankan Bahagian Operasi Khas (BOK) dan Skuad Taktikal Khas SPRM di sebuah depoh penyimpanan minyak di Sungai Bidut, Sarawak.

Pada operasi itu, lima individu termasuk pengusaha stesen minyak ditahan.

Operasi dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) turut menyita dua tongkang serta tangki minyak mengandungi 1.6 juta liter diesel.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: RABU
TARIKH: 28/8/2024
M/SURAT: 2

# Enforcement officer remanded over Sibu diesel smuggling case



The enforcement assistant officer is escorted by MACC officers at the Kuching Court Complex.

SIBU: An enforcement assistant officer in Kuching was remanded for six days from yesterday for allegedly accepting bribes from a diesel smuggling syndicate operating in Sibu.

Magistrate Mason Jaro Lenya Barayan granted the remand order against the man, in his 40s, following an application by the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC).

According to a source, the suspect was detained at the Sarawak MACC office around 3:25pm on Monday after having his statement recorded in connection with the case.

"The arrest was made following the 'Op Liter' operation conducted by the MACC Special Operations Division at an oil storage depot in Sungai Bidut, Sibu on Sunday.

"The suspect is believed to have received bribes from the syndicate to protect the subsidised diesel smuggling activities from enforcement action," the source said.

Meanwhile, MACC Special Operations Division senior director Datuk Azmi Kamaruzaman said the case is being investigated under Section 16(b)(B) of the MACC Act 2009.

He also did not rule out the possibility of further arrests.

Earlier yesterday, one of the two siblings remanded for alleged involvement in the subsidised diesel smuggling syndicate and bribery of enforcement officials was released upon the expiry of her one-day remand order.

Magistrate Oon Kork Chern ordered the woman, 39, to be released on a Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) bail.

The woman's brother, 42, remains under a four-day remand, which took effect Monday.

On Monday, MACC sources said the brother-sister pair, who operate a petrol station, was arrested along with three others – two men and a woman – at a diesel storage depot in Sungai Bidut, during a joint operation codenamed 'Op Liter' by the MACC and Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN).

The five suspects are believed to be part of a syndicate that misappropriated diesel meant for fishermen, which they sold at a higher price to buyers overseas.

The sources said the syndicate is believed to have been operating since 2012, raking in profits of up to RM400 million, and bribing enforcement officers to not take action against them for storing diesel without a valid permit.

During the operation, MACC seized approximately RM3.7 million in cash, two barges, and 30 oil storage tanks believed to contain approximately 1.6 million litres of diesel.

The other three suspects had earlier been released on MACC bail.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: RABU
TARIKH: 28/8/2024
M/SURAT: 2

# Salah seorang suspek sindiket seludup diesel, rasuah dibebas

## Seorang lagi saudara suspek masih direman selama empat hari

Oleh Andy Sabang

**SIBU: Salah seorang daripada dua beradik yang ditahan reman kelmarin atas dakwaan terlibat dalam sindiket penyeludupan diesel bersubsidi dan rasuah pegawai penguat kuasa telah dibebaskan semalam.**

Majistret Oon Kork Chern memerintahkan suspek berusia 39 tahun itu dibebaskan dengan jaminan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Seorang lagi saudara suspek yang berumur 42 tahun masih ditahan reman selama empat hari sejak kelmarin.

Sumber SPRM memaklumkan pasangan adik-beradik tersebut ditahan bersama tiga individu lagi iaitu dua lelaki dan seorang wanita di depot simpanan diesel di Sungai Bidut, di sini pada Ahad semasa operasi bersama Ops Liter oleh SPRM dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Hidup (KPDN).

Tiga lagi suspek juga telah dibebaskan dengan jaminan SPRM sebelum ini.

Menurut sumber, kelima-lima suspek dipercayai sebahagian daripada sindiket yang menyeleweng minyak diesel untuk nelayan yang dijual dengan harga lebih tinggi kepada pembeli di luar negara.

Sindiket itu dipercayai beroperasi sejak 2012 dan telah mengaut keuntungan sehingga RM400 juta.

Mereka juga disyaki memberi rasuah kepada pegawai penguat kuasa bagi mengelakkan tindakan kerana menyimpan diesel tanpa permit yang sah.

Dalam operasi tersebut, SPRM merampas wang tunai kira-kira RM3.7 juta, dua tongkang dan 30 tangki simpanan minyak yang dipercayai mengandungi kira-kira 1.6 juta liter diesel.

Kes disiasat mengikut Seksyen 16(b)(B) dan Seksyen 18 Akta SPRM 2009, Seksyen 471 Kanun Keseksaan, dan Akta Kawalan Bekalan 1961.



DIBEBASKAN: Suspek (tengah) berusia 39 tahun dibebaskan dengan jaminan SPRM semalam.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

星洲日報
SIN CHEW DAILY

HARI: RABU
TARIKH: 28/8/2024
M/SURAT: 6

## 走私柴油集團狂撈4億案

# 執法主任錄供後獲保釋

（詩巫27日讯）走私柴油集团狂捞4亿一案出現新进展，反贪会昨日和今日先后传召古晋执法机构两名分别年约40岁涉及受贿的执法主任，以及助理执法人员录供；该执法主任被扣查后获保释，而助理执法人员则获准扣留6天。

### 1助理执法员被扣留6天

马来西亚反贪委员会昨午3时25分、今天傍晚6时20分前后传召相信收取该走私柴油集团贿金的古晋一执法机构助理执法人员以及执法主任，前往位于古晋的砂拉越反贪污委员会录取口供，过后逮捕他们，以协助查案。

反贪委员会特别行动部主任拿督阿兹米卡玛鲁查曼受询时证实，该委员会援引2009年反贪委员会法令第16（b）（B）条文扣查这名助理执法人员，他不排除该委员会近期还会展开后续的逮捕行动。

此外，他也证实另一名在该法令下被扣查的执法主任过后在一人担保下获得该委员会保释。

反贪会今日将该名助理执法人员押往古晋推事庭，获承审推事玛逊批准扣押他6天，直到9月2日。

反贪会特别行动组及特别战术小队配合国内贸易及生活费部官员于本月25日下午4时，在诗巫双溪美禄的储油库展开突击行动。

### 油站业者妹妹扣押期满获释

接受反贪会调查的该名执法主任及助理执法人员相信是涉及收取该集团的贿赂，以便掩护该集团走私津贴柴油的活动而不被采取法律行动。

与此同时，昨日遭扣押的涉案油站业者兄妹，妹妹的扣押期届满，在反贪委员会的担保下获得释放。



油站业者妹妹（中）扣押期满，在反贪委員会的担保下获得释放。（反貪会提供）



←涉及受賄的一名執法机构助理执法人員被押往古晋推事庭，获准扣押6天。（反貪会提供）

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 28 OGOS 2024 | | | |
|---|---|---|---|
| **TARIKH** | **TAJUK** | **PAUTAN** | **MEDIA** |
| 28-Aug | Pindaan Akta Syarikat bertujuan perangi pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/08/1290677/pindaan-akta-syarikat-bertujuan-perangi-pengubahan-wang-haram | BERITA HARIAN |
| 28-Aug | Pindaan Akta Syarikat: Perangi pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan | https://www.buletintv3.my/nasional/pindaan-akta-syarikat-perangi-pengubahan-wang-haram-pembiayaan-keganasan/ | BULEITN TV3 |
| 28-Aug | Kerjasama MTPN-KPDN perkenal konsep Kosmopolitanisme Pengguna | https://malaysiagazette.com/2024/08/27/kerjasama-mtpn-kpdn-perkenal-konsep-kosmopolitanisme-pengguna/ | MALAYSIA GAZETTE |
| 28-Aug | Malaysia komited patuhi piawaian pemunyaan benefisial – Armizan | https://malaysiagazette.com/2024/08/27/malaysia-komited-patuhi-piawaian-pemunyaan-benefisial-armizan/ | MALAYSIA GAZETTE |
| 28-Aug | Ejen tipu pakej umrah, haji berdepan tindakan tegas - KPDN | https://www.sinarharian.com.my/article/682522/berita/nasional/ejen-tipu-pakej-umrahhaji-berdepan-tindakan-tegas---kpdn | SINAR HARIAN |
| 28-Aug | KPDN terima 39 aduan penipuan pakej haji, umrah | https://malaysia-tribune.news/2024/08/27/kpdn-terima-39-aduan-penipuan-pakej-haji-umrah/ | MALAYSIA TRIBUNE |
| 28-Aug | KPDN terima 39 aduan penipuan pakej haji, umrah tahun ini | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/08/1290585/kpdn-terima-39-aduan-penipuan-pakej-haji-umrah-tahun-ini | BERITA HARIAN |
| 28-Aug | Op Liter: Pembantu penguat kuasa pula ditahan ambil rasuah daripada sindiket | https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/08/1127515/op-liter-pembantu-penguat-kuasa-pula-ditahan-ambil-rasuah-daripada-sindiket | HARIAN METRO |
| 28-Aug | Reformasi perkhidmatan awam mampu bantu lawan rasuah - KP SPRM | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/reformasi-perkhidmatan-awam-mampu-bantu-lawan-rasuah-kp-sprm-485223 | ASTRO AWANI |
| 28-Aug | REFORMASI PERKHIDMATAN AWAM MAMPU BANTU LAWAN RASUAH - KP SPRM | https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2333604 | BERNAMA |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 28-Aug | Reformasi perkhidmatan awam mampu bantu lawan rasuah - KP SPRM | https://www.sinarharian.com.my/article/682435/berita/semasa/reformasi-perkhidmatan-awam-mampu-bantu-lawan-rasuah---kp-sprm | SINAR HARIAN |
| 28-Aug | Suspek wanita kes seleweng diesel dibebas dengan jaminan SPRM | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1127543/suspek-wanita-kes-seleweng-diesel-dibebas-dengan-jaminan-sprm | HARIAN METRO |
| 28-Aug | Salah seorang suspek sindiket seludup diesel dibebaskan | https://www.utusanborneo.com.my/2024/08/27/salah-seorang-suspek-sindiket-seludup- | UTUSAN BORNEO |
| 28-Aug | SUSPEK WANITA KES SELEWENG DIESEL DIBEBASKAN DENGAN JAMINAN SPRM | https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2333830 | BERNAMA |
| 28-Aug | Tiada isu warga Brunei beli diesel di Sarawak - Armizan | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tiada-isu-warga-brunei-beli-diesel-di-sarawak-armizan-485197 | ASTRO AWANI |
| 28-Aug | KPDN to review diesel fuel policy for Bruneian visitors in Sarawak | https://www.newsarawaktribune.com.my/kpdn-to-review-diesel-fuel-policy-for-bruneian-visitors-in-sarawak/ | NEW SARAWAK TRIBUNE |
| 28-Aug | Minister says no issue with Brunei motorists filling up fuel in Sarawak, but diesel sale limited within 30km of border | https://www.malay.news/minister-says-no-issue-with-brunei-motorists-filling-up-fuel-in-sarawak-but-diesel-sale-limited-within-30km-of-border/ | MALAY NEWS |
| 28-Aug | Minister says no issue with Brunei motorists filling up fuel in Sarawak, but diesel sale limited within 30km of border | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/08/27/minister-says-no-issue-with-brunei-motorists-filling-up-fuel-in-sarawak-but-diesel-sale-limited-within-30km-of-border/148323 | MALAY MAIL |
| 28-Aug | Armizan clarifies fuel purchase rules for Brunei vehicles in Sarawak | https://thesun.my/local-news/armizan-clarifies-fuel-purchase-rules-for-brunei-vehicles-in-sarawak-IL12910239 | THE SUN |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 28-Aug | KPDN pertimbang cadangan membenarkan kenderaan Brunei beli petrol RON95 di Miri | https://www.utusanborneo.com.my/2024/08/26/kpdn-pertimbang-cadangan-membenarkan-kenderaan-brunei-beli-petrol-ron95-di-miri | UTUSAN BORNEO |
| 28-Aug | KPDN teliti cadangan benarkan kenderaan Brunei beli RON95 di Sarawak | https://www.tvsarawak.my/2024/08/26/kpdn-teliti-cadangan-benarkan-kenderaan-brunei-beli-ron95-di-sarawak/ | TV SARAWAK |
| 28-Aug | KPDN tidak akan berkompromi dengan aktiviti penyeludupan dan penyelewengan | https://www.utusanborneo.com.my/2024/08/26/kpdn-tidak-akan-berkompromi-dengan-aktiviti-penyeludupan-dan-penyelewengan | UTUSAN BORNEO |
| 28-Aug | Seleweng diesel di Sibu, KPDN bekerjasama dengan SPRM | https://www.tvsarawak.my/2024/08/26/seleweng-diesel-di-sibu-kpdn-bekerjasama-dengan-sprm/ | TV SARAWAK |
| 28-Aug | Kes seludup diesel di Sibu: KPDN sedia beri kerjasama | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kes-seludup-diesel-di-sibu-kpdn-sedia-beri-kerjasama | BERITA RTM |
| 28-Aug | Sindiket diesel untung RM400 juta, KPDN sedia bantu SPRM | https://www.kosmo.com.my/2024/08/26/sindiket-diesel-untung-rm400-juta-kpdn-sedia-bantu-sprm/ | KOSMO |
| 28-Aug | KPDN to step up cooperation with other agencies to curb subsidy leakage | https://thesun.my/local-news/kpdn-to-step-up-cooperation-with-other-agencies-to-curb-subsidy-leakage-OL12910295 | THE SUN |
| 28-Aug | KPDN PERTINGKAT KERJASAMA DENGAN AGENSI LAIN BANTERAS KETIRISAN | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2333495 | BERNAMA |
| 28-Aug | Siblings remanded in probe on diesel smuggling, bribery | https://www.newsarawaktribune.com.my/siblings-remanded-in-probe-on-diesel-smuggling-bribery/ | NEW SARAWAK TRIBUNE |
| 28-Aug | Sibu diesel smuggling case: One sibling released, another still in remand | https://www.theborneopost.com/2024/08/27/sibu-diesel-smuggling-case-one-sibling-released-another-still-in-remand/ | THE BORNEO POST |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 28-Aug | SPRM tahan lima termasuk dua beradik seleweng diesel subsidi nelayan | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/sprm-tahan-lima-termasuk-dua-beradik-seleweng-diesel-subsidi-nelayan-485188 | ASTRO AWANI |
| 28-Aug | SPRM tahan lima termasuk dua beradik seleweng diesel subsidi nelayan | https://www.melakahariini.my/sprm-tahan-lima-termasuk-dua-beradik-seleweng-diesel-subsidi-nelayan/ | MELAKA HARI INI |
| 28-Aug | SSMNC2024 tarik penyertaan 3,000 delegasi termasuk luar negara | https://malaysiagazette.com/2024/08/27/ssmnc2024-tarik-penyertaan-3000-delegasi-termasuk-luar-negara/ | MALAYSIA GAZETTE |
| 28-Aug | SSMNC2024 tarik penyertaan 3,000 delegasi termasuk luar negara | https://www.malay.news/ssmnc2024-tarik-penyertaan-3000-delegasi-termasuk-luar-negara/ | MALAY NEWS |
| 28-Aug | Stesen minyak diserbu KPDN, jual diesel lebih 2 sen | https://www.sinarharian.com.my/article/682609/berita/semasa/stesen-minyak-diserbu-kpdn-jual-diesel-lebih-2-sen | SINAR HARIAN |
| 28-Aug | Jual diesel lebih daripada harga kawalan, stesen minyak diserbu | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/jual-diesel-lebih-daripada-harga-kawalan-stesen-minyak-diserbu | BERITA HARIAN |
| 28-Aug | Stesen minyak diserbu jual diesel melebihi harga kawalan | https://www.kosmo.com.my/2024/08/27/stesen-minyak-diserbu-jual-diesel-melebihi-harga-kawalan/ | KOSMO |
| 28-Aug | Petrol station found selling overpriced diesel in Parit Buntar | https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/08/27/petrol-station-found-selling-overpriced-diesel-in-parit-buntar | THE STAR |
| 28-Aug | Program Jualan Rahmah MADANI akan diperluas ke pedalaman | https://www.utusanborneo.com.my/2024/08/27/program-jualan-rahmah-madani-akan-diperluas-ke-pedalaman | UTUSAN BORNEO |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 28-Aug | Seleweng diesel: SPRM tahan pengarah agensi penguat kuasa | https://www.sinarharian.com.my/article/682629/berita/semasa/seleweng-diesel-sprm-tahan-pengarah-agensi-penguat-kuasa | SINAR HARIAN |
| 28-Aug | Seleweng diesel bersubsidi, pengarah agensi penguat kuasa ditahan | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1127687/seleweng-diesel-bersubsidi-pengarah-agensi-penguat-kuasa-ditahan | HARIAN METRO |
| 28-Aug | Pengarah agensi penguatkuasa terima rasuah sindiket seludup diesel di Sibu ditahan SPRM | https://malaysia-tribune.news/2024/08/27/pengarah-agensi-penguatkuasa-terima-rasuah-sindiket-seludup-diesel-di-sibu-ditahan-sprm/ | MALAYSIA TRIBUNE |
| 28-Aug | Malaysia komited penuhi ketelusan pemunyaan benefisial | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/malaysia-komited-memerangi-pengubahan-wang-haram-pembiayaan-keganasan | BERITA RTM |
| 28-Aug | Malaysia committed to comply with task force's standards in fighting money laundering, terrorism financing — minister | https://theedgemalaysia.com/node/724483 | THE EDGE MALAYSIA |
| 28-Aug | Jemaah ditipu boleh tuntut ganti rugi di tribunal | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/08/jemaah-ditipu-boleh-tuntut-ganti-rugi-di-tribunal/ | UTUSAN MALAYSIA |
| 28-Aug | Suspek wanita kes seleweng diesel bebas dengan jaminan SPRM | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/suspek-wanita-kes-seleweng-diesel-bebas-dengan-jaminan-sprm-485306 | ASTRO AWANI |
| 28-Aug | PEMBANTU PENGUAT KUASA DITAHAN, DISYAKI TERIMA RASUAH PENYELUDUPAN DIESEL | https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2333899 | BERNAMA |
| 28-Aug | Sekongkol kegiatan seludup diesel, SPRM tahan pembantu penguat kuasa | https://selangorkini.my/2024/08/sekongkol-kegiatan-seludup-diesel-sprm-tahan-pembantu-penguat-kuasa/ | SELANGOR KINI |
| 28-Aug | Pembantu penguat kuasa ditahan, disyaki makan rasuah seludup diesel | https://www.malaysiakini.com/news/717207 | MALAYSIA KINI |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT